

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[PADANG SERAI]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang saluran dana untuk pembinaan masjid Al-Muhammadi Taman Mashuri kerana masjid An-Najah Padang Serai telah padat dengan kehadiran orang ramai.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan mengambil maklum berkenaan kepadatan orang ramai di Masjid An-Najah Padang Serai.
2. Sehubungan dengan itu, siasatan tapak bagi projek pembinaan Masjid Al-Muhammadi Taman Mashuri telah dilaksanakan pada Februari 2020. Projek ini dijangka dipertimbangkan untuk kelulusan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan.

Sekian, terima kasih.